

27/03/1998

Lawatan PM ke Jeli dijangka bawa pembaharuan

JELI, Khamis - Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke jajahan ini esok, akan membantu merencanakan lagi iklim pembangunan di kawasan Parlimen itu menjelang tahun 2000.

Ahli Parlimennya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata selain itu ia selaras dengan matlamat menjadikan Jeli sebagai kawasan Parlimen contoh dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, walaupun tujuan utama Dr Mahathir ke sini bertujuan untuk merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian ini, namun kedatangannya menjadi perangsang kepada rakyat untuk bekerja dengan lebih kuat lagi.

Malah, katanya, kedatangan Perdana Menteri ini memperlihatkan keprihatinannya terhadap kawasan itu agar mencapai kemajuan.

Walaupun sebelum ini Jeli terpelosok ke pedalaman dengan kesusahan penduduk mendapatkan kemudahan asas khususnya jalan raya, bekalan elektrik dan air, namun masalah itu akan diatasi.

"Antara projek baru yang dijangka akan dilaksanakan segera ialah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Gemang, perpustakaan awam di Jeli, 80 unit rumah kedai di Bukit Bunga, balai bomba dan pejabat pendaftaran," katanya.

Sempena mesyuarat perwakilan Umno bahagian ini, Perdana Menteri juga dijadualkan merasmikan Kompleks Umno Jeli di Bukit Nangka, manakala isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, merasmikan dewan badminton pada pagi yang sama.

Kali terakhir Dr Mahathir berkunjung ke Jeli ialah pada 1995 lalu bagi membantu calon Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya umum ketika itu.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan yakin jika pemimpin dan rakyat bekerja lebih kuat matlamat memajukan Jeli boleh dicapai.

"Pastinya semua projek dan kemudahan ini akan meningkatkan taraf hidup Jeli," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Isa Saamah, 50, berkata paling penting kemajuan hanya wujud sekiranya keadaan politik, ekonomi dan sosial adalah stabil.

Beliau menyifatkan lawatan Dr Mahathir ke Jeli ini akan dapat mengukuhkan kestabilan politik bagi memberi keyakinan kepada rakyat.

(END)